

04 MAR 2000

PNB-Minggu

PM AKAN LANCAR MINGGU AMANAH SAHAM PERTAMA APRIL INI

JOHOR BAHRU, 4 Mac (Bernama) -- Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan mengadakan sambutan Minggu Saham Amanah pada bulan April setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya, Bumiputera mengenai pelaburan dalam pasaran saham.

Ketua Eksekutifnya Hamad Kama Piah Che Othman berkata sambutan yang pertama kali, selama seminggu pada 20 April ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

"Minggu Saham Amanah itu akan dijadikan sebagai acara tahunan. Ia juga merupakan satu acara pendidikan kepada masyarakat mengenai pasaran saham," katanya kepada pemberita pada majlis meraikan ejen-ejen PNB Negeri Johor di Hotel Pan Pacific, di sini, malam tadi.

Menurut beliau, tarikh 20 April itu dipilih kerana ia selaras dengan tarikh penubuhan PNB, 22 tahun yang lalu.

Katanya, sepanjang minggu itu PNB bersama Persekutuan Amanah Saham Malaysia akan menganjurkan pelbagai acara yang bercorak pendidikan seperti kuiz, pemeran dan seminar.

Minggu amanah saham itu juga akan melibatkan penyertaan yang menyeluruh semua peringkat masyarakat seperti pelajar, profesional, masyarakat luar bandar dan masyarakat bandar, katanya.

Ketika ditanya mengenai tahap celik pelaburan di kalangan masyarakat Bumiputera di negara ini, Hamad berkata, "Tahap celik pelaburan masyarakat kita kini jauh lebih baik jika dibandingkan ketika ASN dan ASB mula-mula di perkenalkan 20 tahun dulu."

Katanya, ASB ketika diperkenalkan hanya mampu mengumpul sebanyak RM5 juta dan ASN 10 juta sertahun, berbanding dana ASB kini sebanyak RM27 bilion dan ASN 2.5 bilion.

"Fenomena ini menunjukkan masyarakat mulai sedar dan yakin terhadap PNB dalam menguruskan wang mereka bagi mendapatkan pulangan dividen dan bonus setiap tahun," katanya.

PNB kini menguruskan dana berjumlah sebanyak RM30 bilion membabitkan kira-kira 7 juta pelabur, katanya.

Amanah-amanah saham yang diuruskan oleh PNB seperti ASN, ASB, ASN 2, Amanah Saham Wawasan 2020 dan Amanah Saham Harta.

-- BERNAMA

RAM RI